


TARIKH	20 / 1 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	14	RUANGAN	Nasional

# Peserta haji tajaan 1MDB ditambah

SERDANG - Jumlah imam dan pengurus Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) yang ditawar mengerjakan haji di bawah penajaan 1Malaysia Development Bhd (IMDB) tahun ini dinaikkan kepada 400 orang, berbanding kira-kira 100 orang tahun lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan keputusan itu semasa berucap di Majlis Perhimpunan Perdana Warga Imam dan Jawatankuasa Masjid seluruh negara bersama Perdana Menteri di Dewan Tapak Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), semalam.

Beliauturut mengumumkan pemberian kain kepada 14,254 imam serta 138,746 anggota jawatankuasa masjid diseluruh negara untuk dibuat jubah, termasuk dua tong air zam-zam kepada semua mas-



Najib memakaikan jubah untuk Tokoh Imam Kebangsaan 2011 yang juga Imam Masjid Zahir, Kelelah, Sheikh Roslan Abd Halim.

jid di seluruh negara.

Menurutnya, kain dari jenis yang cukup berkualiti itu dipilihnya sendiri dan diberikan awal agar penerima dapat membuat jubah khas untuk dipakai pada 1 Syawal nanti.

Najib berkata, kerajaan sentiasa mengambil berat soal kebajikan rakyat, termasuk imam serta guru agama yang selama ini bekerja keras dan bertungkus-lumus berjuang demi memartabatkan

syiar Islam di seluruh pelosok negara.

"Mereka menjadi nadi dan tunjang kepada perkembangan syiar Islam sejak selian lama tanpa pernah meminta yang bukan bulan daripada kerajaan, malah eluan yang diterima sebelum ini tidak pernah diungkit berbanding tugas serta peranan yang dicurahkan mereka yang cukup besar," katanya.

"...kerana amat penting bagi inam untuk bergerak bahu ke bahu, seiring dengan kerajaan untuk capai impian negara yang cukup besar; untuk mencapai taraf negara maju menjelang 2020," katanya.

Perdana Menteri berkata, transformasi yang sedang dijalankan dalam negara selaras istilah 'Israh' yang merujuk kepada pembaharuan besar ke arah kebaikan yang sentiasa diperjuangkan kerajaan. -Bernama.